

# NIC: Taktik negara membangun didedah

BH 19 FEB 1991

SESEBUAH negara yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang cergas tidak sepatutnya dikategorikan sebagai negara baru perindustrian (NIC) dan kegiatannya disekat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebaik saja sesebuah negara itu bertukar status menjadi NIC, negara membangun kebiasaannya akan bertindak mendesak supaya mata wang negara berkenaan dinilai semula bagi mengurangkan daya saingan ekonominya.

"Mereka juga akan mula meneliti setiap perkembangan membabitkan hak kemanusiaan, pergerakan kesatuan pekerja dan juga keadaan alam sekitar.

"Semua itu dilakukan semata-mata untuk menyekat pertumbuhan ekonomi supaya tidak boleh menyaingi mereka. Ini adalah sebab mengapa negara membangun mahu mewujudkan NIC," katanya dalam Rancangan Wawancara

Khas dengan Perdana Menteri di RTM malam ini.

Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia adalah negara yang kini bergiat cergas ke arah perindustrian, beliau menolak penggunaan istilah NIC dan klasifikasi itu oleh negara membangun.

"Tidak ada sebab negara yang semakin cergas perlu dipanggil NIC. Sebaik saja disenaraikan dalam NIC, mereka secara sengaja akan memperlahankan pertumbuhan ekonomi negara berkenaan.

"Apa yang saya maksudkan ialah tidak perlu negara terbahit dipanggil NIC atau apa-apa jua nama lain sebaliknya membiarkannya terus mencatatkan pertumbuhan ekonomi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dengan menilai semula sehingga kira-kira 40 peratus mata wang sesebuah negara dan meningkatkan upah buruh, barangan keluaran negara berkenaan semakin sukar menembusi pasaran

antarabangsa.

"Tindakan itu sebaliknya akan membolehkan negara membangun memiliki wang yang banyak, pekerjaannya mendapat upah yang tinggi di samping hidup mewah sehingga kita ketinggalan jauh di belakang," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai contoh, mereka cuba berbuat demikian terhadap Jepun, tetapi tidak menyedarinya sehingga tiba-tiba negara Timur Jauh itu mempunyai kekuatan ekonomi yang setanding dengan negara membangun lain.

"Oleh itu mereka kini akan memastikan bahawa tidak ada sebuah negara lain pun yang boleh mencapai status seperti Jepun," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan buruk kerana pelbagai keistimewaan seperti Skim Keutamaan Am (GSP), adalah jelas akan ditarik semula.